

05 NOV 2001

Asean-HIV/AIDS (Deklarasi)

ASEAN IKRAR PERANGI HIV/AIDS MELALUI USAHA BERSAMA

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asia Tenggara hari ini (Asean) bersetuju memerangi penyebaran penyakit HIV/AIDS secara kolektif melalui tindakan serantau dan antarabangsa, sambil menggesa penubuhan tabung kesihatan HIV/AIDS global dengan peluang saksama kepada negara anggota mendapat pembiayaan daripada tabung itu.

Pemimpin Asean yang meluluskan Deklarasi mengenai HIV/AIDS pada Sidang Kemuncak Ketujuh di sini juga menggesa rakan dialog -- China, Jepun dan Korea Selatan serta badan antarabangsa lain menyokong tindakan memerangi penyakit itu.

Mereka bersetuju untuk memperkukuhkan mekanisme serantau, meningkatkan akses kepada ubat-ubatan yang mampu dibeli, menyebarkan strategi pencegahan selain usaha antarabangsa bagi memerangi penyakit itu secara menyeluruh.

Para pemimpin Asean itu juga menerima pakai Program Kerja Asean mengenai HIV/AIDS dan bekerjasama ke arah melaksanakan aktiviti serantau sebagai sokongan kepada program kebangsaan dan tindakan bersama serantau.

Deklarasi empat muka surat itu menyatakan bahawa 1.7 juta penduduk Asia Tenggara menghidap HIV/AIDS dan jumlah itu semakin meningkat melalui amalan berisiko.

AIDS atau sindrom kurang daya tahan melawan penyakit, berpunca daripada virus kekurangan daya tahan manusia (HIV) yang kebiasaannya disebarkan melalui hubungan seksual dan jarum yang tercemar.

Asean juga bersetuju untuk bertukar-tukar maklumat mengenai penyakit yang boleh membunuh itu melalui pembentukan dan pelaksanaan dasar dan program bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengilhamkan idea supaya Asean mengadakan sesi khas mengenai penyakit terbabit berikutan jumlah kes yang semakin meningkat di rantau ini.

Mengikut perangkaan setakat akhir 1999, bilangan yang menghidap HIV/AIDS di Thailand berjumlah 695,000, Myanmar (530,000), Kemboja (169,000), Vietnam (100,000), Indonesia (52,000), Malaysia (49,000), Filipina (28,000), Singapura (4,000), Laos (1,400) dan Brunei (100 orang).

Asean juga menyuarakan kebimbangan mengenai harga berbeza ubat AZT dari satu negara ke negara lain serta keupayaan pesakit di Vietnam, Thailand, Laos atau Kemboja untuk membeli ubat itu dalam jangka masa panjang.

Para pemimpin Asean itu juga menggulangi gesaan dalam Deklarasi Hanoi 1998 yang memberi jaminan mengenai rawatan perubatan yang mencukupi serta akses kepada ubat-ubatan dan kerjasama, ditingkatkan bagi mengawal dan mencegah penyakit yang mudah berjangkit termasuk HIV/AIDS.

Asean juga mengesahkan komitmennya untuk menjayakan deklarasi Asean Bebas Dadah yang diterimapakai pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke-33 tahun lepas.

Mereka juga bersetuju memantau dan menilai aktiviti pada setiap peringkat dan menjalankan kajian semula secara berkala yang sistematik selain perkongsian maklumat dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan yang berasaskan komuniti.

Asean juga menyokong pendidikan dan latihan kemahiran hidup untuk belia, pencegahan berkesan HIV di kalangan ibu, kanak-kanak dan penagih dadah.

Mereka juga bersetuju meningkatkan usahasama antara kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan menyokong program teknikal, kewangan dan sumber manusia secukupnya bagi melaksanakan program memerangi

penyakit itu di peringkat kebangsaan dan serantau.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

DC LAT